

Headline **Bekas guru mahu berbasikal ke London kumpul dana MAF**  
Date **24 Aug 2011**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **20**  
Article Size **173 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **4,900**  
PRValue **14,700**



## Bekas guru mahu berbasikal ke London kumpul dana MAF

**K**UALA LUMPUR: Bekas guru, Mohammed Adnan Osman, 69, (**kanan**) yang sebelum ini pernah mencuba berbasikal dari Kuala Lumpur ke China pada 2008, kini meneruskan impiannya pula ke kota London bagi mengumpul dana untuk Yayasan AIDS Malaysia (MAF).


Beliau yang juga dikenali sebagai Cikgu Adnan berhasrat menjayakan misi itu pada akhir September ini dengan berbasikal sejauh 20,000 kilometer dalam masa 10 bulan, sebelum tiba di kota London bagi meraikan upacara pembukaan rasmi kejohanan Olimpik musim panas tahun depan.

"Semua sumbangan yang diperoleh sebelum atau ketika misi menuju ke kota London ini akan disalurkan kepada Skim PAL (Kehidupan Positif Yang Berani) yang dilancarkan pada 21 Jun lalu sebagai inisiatif meraih dana oleh MAF.

"Insya-Allah saya akan berkayuh merentasi 13 negara termasuklah Bangladesh, India, Pakistan, Iran, Turki serta Perancis sebelum menjejakkan kaki ke kota London. Selain itu, apabila tiba di India, berkemungkinan besar anak saya, Aedewan akan turut serta berkayuh," katanya pada sidang media di Balai Berita semalam.

Katanya, jika misi ke China tiga tahun lalu gagal di Hanoi kerana permohonan visa ditolak pihak berkuasa negara itu, namun kali ini beliau tidak akan melalui masalah yang sama.

Beliau berkata, faktor usia bukanlah halangan besar kerana pelbagai persediaan kelengkapan selain kesihatan sudah diambil sejak awal lagi bagi



memastikan misi itu tercapai.

Katanya, beliau hanya akan berkayuh pada waktu siang sejauh 100 hingga 120 kilometer setiap hari, sebelum berehat perhentian tertentu bagi memastikan ketahanan stamina.

"Selama ini, saya sentiasa menjalani rutin kehidupan yang sihat sehingga mampu menaiki 12 puncak tertinggi di negara ini dan untuk misi kali ini saya akan pastikan melakukan senaman ketahanan sebanyak dua kali sehari.

"Selain itu, saya juga akan membawa stok makanan segera, keperluan dan aksesori basikal bagi berhadapan sebarang kemungkinan andai terdapat kerosakan atau tayar pancit sepanjang perjalanan, selain membawa basikal tahan lasak yang baru dibeli dengan harga kira-kira RM 2,000," katanya.

Adnan pernah merentasi gurun Sahara di Maghribi dengan berjalan kaki dalam acara 'Marathon des Sables' (Maraton Padang Pasir), dua tahun lalu.